

ARKIB : 15/11/2012

## Bina generasi gemilang

Oleh rosmah Dain  
Gambar Mohd. Naim Aziz



Persatuan Kebajikan Generasi Gemilang (PKGG) turut memberi bimbingan dari segi pembelajaran kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah.

Kanak-kanak hari ini merupakan pemangkin generasi gemilang masa akan datang. Bagi memastikan harapan negara pada mereka terus mekar, sewajarnya akar kekeluargaan itu diperkuatkan dari sekarang.

Matlamat menggunakan faktor kekeluargaan untuk menguatkan ikatan generasi akan datang memang sudah lama menjadi taruhan Persatuan Kebajikan Generasi Gemilang (PKGG) Kuala Lumpur dan Selangor.

Terletak di Sunwaymas Commercial Centre, Petaling Jaya, Selangor, Pengarah Eksekutifnya, Daniel Tan, 34, berkata, organisasi kebajikan yang diterajuinya itu meletakkan matlamat untuk memupuk generasi seterusnya yang boleh diteladani semua dan membina asas keluarga lebih kukuh.

❶ Kasih sayang adalah nadi Generasi Gemilang dan bagi kami berkhidmat dengan merealisasikan kasih sayang dalam segala tindak tanduk persatuan ini bakal memberi kelainan.

❷ Persatuan ini dianggotai oleh pasukan yang penuh semangat dan profesional serta komited untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan kami terdiri daripada kanak-kanak, belia, keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya," katanya ketika ditemui di persatuan berkenaan, baru-baru ini.

Daniel berkata, persatuan itu yang tidak berlandaskan kepada keuntungan bermula dengan projek pertama pada tahun 2008 dan kemudian didaftar sebagai sebuah pertubuhan kebajikan pada 2010.

Antara lain berperanan membangunkan masyarakat dengan terlebih dahulu memperkasakan kanak-kanak dan keluarga untuk transformasi masyarakat.

Ini berdasarkan keyakinannya bahawa apabila generasi seterusnya dan keluarga dilengkapi dengan nilai-nilai murni dan kemahiran hidup yang tepat, komuniti mereka akan berubah, masyarakat akan memperoleh manfaat dan hasilnya negara akan menjadi lebih teguh.

Daniel menambah, kegembiraannya akan bertambah apabila dapat melihat insan atau keluarga yang dibantu itu berubah dan hidup dengan kegembiraan.

Namun, sudah tentu katanya, setiap perubahan yang dilakukan akan dikecapi oleh hanya sebahagian kecil daripada mereka kerana perubahan tidak boleh dilakukan secara pukal.

Tapi usaha yang diberikan adalah secara berterusan.

Antara perkhidmatan yang menjadi tumpuan PKGG ialah perkhidmatan kanak-kanak, keluarga, pembelajaran, kesejahteraan siber, kemahiran hidup, kepimpinan dan pementoran.

Apa yang menarik terdapat juga projek anti buli di sekolah-sekolah.

❸ Kita akan mencuba mencungkil bakat kepimpinan kanak-kanak yang ada potensi untuk menjadi pemimpin, kerana semuanya berpeluang ke arah itu," katanya.

❹ Setakat ini kami telah melakukan banyak perkhidmatan kebajikan di Lembah Klang di semua peringkat umur, bangsa dan komuniti.

❺ Seterusnya kami sendiri dapat melihat perubahan positif setiap keluarga dengan mahu mengamalkan nilai-nilai kekeluargaan yang murni," katanya yang memberitahu PKGG boleh dihubungi di talian 03-7803 0957.

Dairi hidup Daniel

Apabila melihat individu ini yang kelihatan amat komited dengan kerja-kerja kebajikan, Daniel memberitahu dirinya tersentuh melihat remaja dan kanak-kanak sekarang yang terlalu banyak menanggung cabaran akibat kehilangan kasih sayang keluarga.

❻ Sebenarnya aktiviti kebajikan sebegini adalah memang menjadi minat saya. Masa saya kecil hingga remaja, saya dibesarkan dalam sebuah keluarga yang berasaskan perceraian.

❸ Saya juga pernah terlibat dalam masalah gejala sosial dan saya hanya berhenti daripada aktiviti kurang sihat berkenaan apabila saya mempunyai mentor saya sendiri.

❹ Maksud saya ada orang yang percaya kepada saya dan yakin saya akan berubah dan memberi nilai-nilai kasih sayang kepada saya menyebabkan saya berubah," katanya.

Daniel berkata, kanak-kanak perlu dididik dari kecil kerana sekiranya mereka ini diabaikan pastinya ada kekurangan dalam diri kanak-kanak itu sehingga mereka remaja dan seterusnya.

Jelasnya, asas kekeluargaan adalah penting, kanak-kanak sihat membesar di dalam keadaan keluarga yang lengkap dan penuh kasih sayang.

❺ Ibu bapa jadi contoh kepada anak-anak. Ibu bapa perlu ada perhubungan yang baik dengan anak-anak dan memberi mereka kasih sayang secukupnya.

❻ Semua kehidupan pastinya ada pantang larang tetapi pantang larang yang tiada diikatkan dengan kasih sayang yang menyebabkan anak-anak remaja jiwanya memberontak," katanya yang sudah berumahtangga.

Artikel Penuh: [http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20121115/ke\\_02/Bina-generasi-gemilang#ixzz2T8pEvWho](http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20121115/ke_02/Bina-generasi-gemilang#ixzz2T8pEvWho)

© Utusan Melayu (M) Bhd